

TARIKH	29 / 6 / 2015	SEKSYEN	Pendidikan
MUKA SURAT	15	RUANGAN	



Muhammad Zaki (depan kanan) bergambar bersama-sama pelajar yang mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM di Dewan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu. (FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
open@bh.com.my

di Kota Bharu

Manfaatkan Ramadan

Bagi pelajar yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada November ini, kedatangan Ramadan perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengulang kaji pelajaran.

Pelajar di sekitar Kota Bharu bertuah kerana Tabung Haji (TH) menganjurkan Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM dengan kerjasama BH bagi memberi suntikan motivasi dan teknik menjawab soalan kepada 260 calon SPM dari 20 sekolah di daerah ini.

Timbalan Pengarah Lembaga TH Kelantan, Muhammad Zaki Bajuri, berkata seminar yang diadakan sebelum Ramadan itu sangat tepat memandangkan pelajar perlu merubut peluang mempelajari teknik untuk mengulang kaji terutama dalam bulan tersebut.

Beliau berkata, bimbingan daripada penceramah berpengalaman luas membolehkan pelajar merah banyak tip berkaitan, termasuk teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul, sekali gus boleh diamiatkan

ketika mengulang kaji selepas sahur. "Kita mahu apa yang pelajar peroleh daripada seminar ini akan diamiatkan ketika mengulang kaji pelajaran selepas sahur, apatah lagi, pada waktu itu sangat sesuai untuk belajar kerana dikatakan ingatan pelajar lebih kuat berbanding waktu lain.

Mengubah keputusan

"Saya yakin, jika pelajar mengamalkan teknik belajar yang diajar penceramah selepas sahur, mereka akan mendapat kecemerlangan, sekali gus mampu mengubah keputusan ujian sebelum ini dalam peperiksaan SPM sebenar nanti. "Pelajar yang cemerlang akan dipilih menerima Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa yang disediakan oleh TH setiap tahun," katanya ketika merasmikan seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTFN) Kelantan, di

sini, baru-baru ini.

Program sehari anjuran TH itu memberi peluang kepada pelajar mengikuti ceramah bagi tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Sementara itu, pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panchor Perdana, Wan Nur Azihan Razman, 17, berkata seminar itu membantunya mengetahui teknik berkesan untuk mendapat markah maksimum terutama bagi subjek Matematik.

Beliau yang sebelum ini mendapat C dalam mata pelajaran itu, yakin mampu meraih A dalam SPM nanti apabila mengamalkan teknik belajar selepas sahur dengan menggunakan tip serta teknik menjawab soalan yang diajar penceramah.

"Memandangkan penceramah sudah memberi pelbagai kaedah belajar yang membantu kami memahami setiap topik dengan lebih berkesan, ia akan diamiatkan setiap kali selepas sahur supaya setiap ilmu mudah diingat sehingga menjelang SPM nanti," katanya.

Pelajar dari SMK Dato Biji Wangsa, Muhammad Kamarul Fahmie Kamarul Zaman, 17, yang kali pertama menyer-

tai seminar itu yakin akan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan nanti.

Cara penyampian berbeza

"Walaupun sebahagian topik sudah dipelajari di dalam kelas, namun cara subjek itu disampaikan oleh penceramah berbeza dan lebih mudah difaham.

"Saya akan manfaatkannya setiap kali mengulang kaji pelajaran terutama selepas sahur bagi memudahkan pemahaman setiap topik sekali gus membantu saya menjawab soalan peperiksaan dengan lebih yakin," katanya yang beritua-cita menjadi akauntan.

Storang lagi pelajar dari SMK Sultan Ismail, Nur Anlia Izzah Che Hussain, 17, menyatakan modul subjek yang diajarkan kepada peserta sangat berguna kerana mengandungi contoh soalan seperti peperiksaan sebenar.

"Di sekolah, kami banyak membuat latihan dalam siapan Skor BH dan seminar ini banyak membantu saya serta rakan-rakan lain," katanya.



Pelajar mengikuti perkembangan akhbar siapan BH.



Sebahagian calon SPM ceria mengikuti seminar tajuan TH.

» Peserta seminar digalakkan mengulang kaji selepas sahur, sewaktu minda paling aktif